



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

**KENYATAAN MEDIA
TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**UCAPAN THAIPUSAM DAN PENGUKUHAN SEMANGAT
PERPADUAN MALAYSIA**

Saya merakamkan ucapan selamat menyambut perayaan Thaipusam kepada seluruh penganut agama Hindu di Malaysia.

Perayaan Thaipusam merupakan perayaan keagamaan yang signifikan serta menzahirkan nilai-nilai murni seperti kepercayaan, pengorbanan, disiplin dan keazaman diri. Sambutan ini turut mencerminkan keindahan kepelbagaian budaya dan agama yang menjadi asas kepada keharmonian serta identiti nasional Malaysia sebagai sebuah negara majmuk.

Dalam konteks masyarakat berbilang kaum dan kepercayaan, keharmonian antara agama dan budaya perlu terus dipelihara melalui sikap saling menghormati, memahami serta meraikan perbezaan. Semangat hormat-menghormati dan kebersamaan dalam kalangan rakyat tanpa mengira latar belakang menjadi tunjang utama kepada kestabilan, kemajuan dan kesejahteraan negara.

Seiring dengan usaha berterusan Kerajaan MADANI dalam memperkukuh agenda perpaduan nasional, pada tahun ini Kementerian Perpaduan Negara melalui Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) telah melancarkan Skuad Perpaduan MADANI. Skuad ini digerakkan buat julung kalinya sempena sambutan perayaan Thaipusam dengan penglibatan sukarelawan daripada pelbagai bangsa yang bertugas di booth air percuma (thaneer panthal) di Batu Caves. Inisiatif ini membantu melancarkan perjalanan perayaan di samping menjadi simbol jelas perpaduan, keprihatinan dan semangat kebersamaan rakyat Malaysia yang saling menyokong antara satu sama lain.

Kepelbagaian yang dimiliki merupakan satu anugerah yang tidak ternilai. Ia memperkayakan identiti nasional serta mengukuhkan fabrik sosial yang menjadi asas kekuatan negara. Kepelbagaian inilah yang membentuk Malaysia sebagai sebuah negara yang unik, berdaya tahan dan dihormati di peringkat antarabangsa. Justeru, marilah kita terus menghargai, meraikan dan memanfaatkan kekuatan kepelbagaian ini dalam usaha membina sebuah Malaysia yang lebih kukuh, harmoni dan makmur.

YB Tuan Yuneswaran Ramaraj
Timbalan Menteri Perpaduan Negara
31 Januari 2026